

04/10/1997

Panduan MS ISO 9000 perlu digubal

SHAH ALAM, Jumaat - Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar berkata sewajarnya satu manual panduan MS ISO 9000 yang menjelaskan sistem kualiti di jabatan, agensi kerajaan negeri, daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) digubal dan dilaksanakan di setiap pejabat di negeri ini.

Selain itu, katanya, siri latihan seperti bengkel untuk pasukan pelaksanaan perlu dilakukan secara aktif, lebih-lebih lagi dalam bulan kualiti ini kepada semua warga organisasi masing-masing.

"Saya percaya melalui pendekatan itu, kita boleh membuktikan perkhidmatan kita adalah berkualiti, bersih, murni dan dilakukan dengan profesionalisme yang amat tinggi," katanya pada majlis pelancaran Bulan Kualiti Peringkat Negeri Selangor 1997 di sini.

Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK), Datuk Hashim Meon; Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Exco); Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun); dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof.

Abu Hassan berkata, langkah yang diambil oleh Setiausaha Kerajaan Selangor (SUK), Datuk Hashim Meon untuk membabitkan semua jabatan dan agensi kerajaan Selangor dalam pelaksanaan MS ISO 9000 adalah tepat pada masanya.

Sehubungan itu, katanya, sesuatu permohonan bukan sahaja harus berteraskan kepada prinsip pertanggungjawaban dan telus tetapi jelas dari segi kepastian kualiti dan difahami dengan lebih baik terutama dalam memproses dan prosedur oleh kakitangan semua jabatan terbabit.

"Jika kita jelas, jujur dan cekap, kita tidak mungkin akan melewatkan proses membuat keputusan, bahkan ia akan menjamin ketelusan atau transparensi dan akauntabiliti," katanya.

Beliau berkata, Tonggak 10 juga menggariskan kepentingan unsur pembangunan potensi sumber manusia.

"Kecanggihan dan kehebatan teknik, pendekatan serta kaedah pengurusan, kemajuan teknologi dan perolehan model yang tinggi hanyalah ditentukan oleh daya keterampilan manusia."

"Oleh itu wajarlah kita semua memberikan perhatian akan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya manusia dijadikan strategi pembangunan yang utama iaitu dilaksanakan secara terancang, strategik, sistematik dan berterusan," katanya.

(END)